

16/11/2000

WAO anjur kejohanan golf 1 Disember

SHAH ALAM, Rabu - Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) akan mengadakan pertandingan golf amal bagi acara `putting' selama tiga hari, bermula 1 Disember ini di The Mines Resort & Golf Club, di sini.

Ia diadakan dengan kerjasama penaja rasmi Kejohanan Golf Piala Dunia Wanita, Canon Marketing (Malaysia) Sdn Bhd (Canon), sempena kejohanan sukan berprestij itu yang berlangsung selama empat hari, bermula 30 November ini di kelab yang sama.

Pengurus Besar Kumpulan Produk Korporat Canon, Lim Kok Hin berkata, acara itu diadakan untuk memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai keganasan terhadap wanita terutama di Malaysia.

"Saya difahamkan, kira-kira 39 peratus peningkatan kes penderaan wanita di Malaysia membabitkan rumah dan tempat kerja," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Pengerusi Majlis Aids Malaysia yang juga ahli WAO, Datin Paduka Marina Mahathir.

(END)